

Isu banjir Lebuhraya Sungai Besi dibawa ke Parlimen

SERDANG – Isu banjir yang berulang kali di Lebuhraya Sungai Besi akan dibentangkan pada sesi Parlimen.

Ahli Parlimen Serdang, Dr Ong Kian Ming berkata, isu banjir di kawasan itu yang berhampiran Stesen Komuter Serdang akan dibawa pada sesi parlimen dua minggu lagi.

Menurutnya, beliau menerima banyak aduan me-

ngenai perkara itu daripada penduduk dan pengguna jalan raya.

Isu tersebut dakwanya terlalu rumit kerana melibatkan tindakan pelbagai pihak termasuk Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM), konsesi lebuhraya, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).



KIAN MING